

**KESAN MODUL KAUNSELING KEUSAHAWANAN (MYCOUNSELORPRENEUR)
TERHADAP MINAT, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

The Effect of the Counseling Module for Entrepreneurship (MyCounselorpreneur) on Interest, Knowledge, and Entrepreneurial Skills Among Public University Students

Mohd. Noor Idris*, Fauziah Mohd Saad & Che Anuar Che Abdullah
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author: mohd.noor@fpm.upsi.edu.my

Published: 10 December 2024

To cite this article (APA): Idris, M. N., Mohd Saad, F., & Che Abdullah, C. A. (2024). The Effect of the Counseling Module for Entrepreneurship (MyCounselorpreneur) on Interest, Knowledge, and Entrepreneurial Skills Among Public University Students. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 195–201. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.18.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.18.2024>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan latihan kaunseling modul Mycounselorpreneur terhadap terhadap minat, pengetahuan, dan kemahiran keusahawanan. Kajian eksperimen ini menggunakan reka bentuk kajian kumpulan kawalan pra-uji pasca-uji dengan sampel 60 pelajar kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Para pelajar dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan menerusi pensampelan strata untuk memasti setiap kumpulan mempunyai jumlah yang sama bagi lelaki dan perempuan. Kumpulan rawatan menerima sebelas sesi latihan keusahawanan menggunakan modul *My Counselorpreneur*, manakala kumpulan kawalan tidak dijalankan apa apa aktiviti. Ujian pra dan ujian pasca melalui soal selidik dijalankan untuk mengukur minat, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan pelajar. Analisis data dilakukan menggunakan Perisian Pakej untuk Sains Sosial (SPSS). Keputusan ujian t berpasangan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pengetahuan, kemahiran, dan minat keusahawanan bagi kedua-dua kumpulan selepas latihan. Kesimpulannya, latihan keusahawanan menyumbang kepada peningkatan minat, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan, dengan kesan yang lebih ketara diperhatikan dalam kumpulan rawatan menggunakan modul *MyCounselorpreneur*.

Kata kunci: mycounselorpreneur, kaunseling, pengetahuan, kemahiran, minat

ABSTRACT

This study aims to evaluate the impact of Mycounselorpreneur module counseling training on entrepreneurial interest, knowledge, and skills. This experimental study uses a pre-test-post-test control group study design with a sample of 60 counseling students from Universiti Pendidikan Sultan Idris. The students were divided into a treatment group and a control group through stratified sampling to ensure that each group had an equal number of males and females. The treatment group received eleven sessions of entrepreneurship training using the My Counselorpreneur module, while the control group did not carry out any activities. Pre-tests and post-tests through questionnaires are conducted to measure students' interest, knowledge and entrepreneurial skills. Data analysis was performed using the Software Package for the Social Sciences (SPSS). The results of the paired t test showed a significant increase in knowledge, skills, and entrepreneurial interest for both groups after the training. In conclusion, entrepreneurship training contributes to an increase in entrepreneurial interest, knowledge and skills, with a more significant effect observed in the treatment group using the My Counselorpreneur module.

Keywords: *myCounselorpreneur, counseling, knowledge, skills, interest*

PENGENALAN

Isu pengangguran di kalangan graduan universiti dan kurangnya minat, pengetahuan serta kemahiran dalam bidang keusahawanan menjadi faktor utama yang menghalang keberhasilan mereka dalam dunia keusahawanan selepas mereka tamat belajar. Tambahan pula, adalah penting bagi seorang mahasiswa untuk fokus kepada laluan kerjaya keusahawanan yang baik dan tidak semata-mata mengharapkan pekerjaan dalam sektor kerajaan. Oleh itu, peranan kaunselor kerjaya menjadi sangat penting dalam membina modul yang kreatif dan inovatif untuk menarik minat mahasiswa berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Sejak era 90-an, kerajaan telah merangka pelbagai dasar yang menekankan pentingnya bidang keusahawanan. Keusahawanan seterusnya telah didefinisikan sebagai satu bidang yang strategik dalam sektor ekonomi. Menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui penekanan terhadap aspek-aspek penting dalam rancangan tersebut. Ini dapat dilihat melalui Pengukuhan Keupayaan dan Pembudayaan Keusahawanan yang merupakan salah satu bidang keberhasilan utama dalam RMK-10 yang ditetapkan oleh kerajaan.

Bahkan, mantan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris Jusoh, menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), aktiviti keusahawanan sangat signifikan dalam upaya mengembangkan modal insan. Modal insan ini berperanan dalam menyokong peralihan sektor-sektor ekonomi ke aktiviti yang lebih berfokuskan kepada dimensi ilmu pengetahuan dan inovasi (Mazurah Mansur, 2019).

Keusahawanan merupakan kerjaya profesional yang terbuka untuk semua individu, asalkan mereka mempunyai pengetahuan, minat, dan kemahiran dalam bidang perniagaan. Kerajaan Malaysia kerap menggalakkan rakyat terlibat dalam keusahawanan untuk melahirkan modal insan berdaya saing. Kementerian Pengajian Tinggi terlibat dalam proses pendidikan untuk melahirkan graduan inovatif yang dapat memacu transformasi ekonomi. Pelbagai program dan dasar diperkenalkan untuk memastikan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Contohnya, sejak 2004, KPT memperkenalkan elemen Kemahiran Insaniah yang merangkumi keusahawanan. Ini perlu diterapkan penerap dalam pengajaran. Kemahiran insaniah graduan seperti kemahiran berkomunikasi dan bekerjasama adalah subset nilai usahawan berjaya (Farhana, M. R, 2013)

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menilai kesan langsung faktor kaedah latihan modul Mycounselorpreneur terhadap pengetahuan keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti.
2. Menilai kesan langsung faktor kaedah latihan modul Mycounselorpreneur terhadap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti.
3. Menilai kesan langsung faktor kaedah latihan modul Mycounselorpreneur terhadap minat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti.

KAJIAN LITERATUR

Pendidikan keusahawanan telah mengalami pertumbuhan yang tinggi di institusi pengajian tinggi di seluruh dunia (Mei & Symaco, 2020). Permulaan awal bidang ini berasal dari Jepun pada tahun 1938 apabila Profesor Emeritus Shigeru Fujui di Universiti Kobe memulakan pendidikan keusahawanan pertama dalam pendidikan tinggi (Amalia & von Korfflesch, 2021). Modul-modul dalam perniagaan kecil dan pengurusan keusahawanan kemudian dikenali di universiti-universiti Amerika pada tahun 1940-an (Universiti George Washington, 2014). Data terdahulu yang dikumpulkan dari *National*

Survey of Entrepreneurship Education di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa kursus keusahawanan dan pengurusan perniagaan telah berkembang dengan pesat yang melibatkan sejumlah besar dalam kalangan pusat latihan, kolej, universiti.

Hari ini, pendidikan keusahawanan telah menjadi sebahagian penting daripada dasar industri dan pendidikan di banyak negara (Mescon & van Rest, 2021). Alasan yang paling umum bagi penyelidik dan pakar untuk mempromosikan pendidikan keusahawanan adalah bahawa keusahawanan dilihat sebagai enjin utama pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan. Pendidikan keusahawanan juga kerap dilihat sebagai respons terhadap dunia yang semakin globalisasi, tidak menentu, dan kompleks di mana kita hidup, dan memerlukan semua orang dan organisasi dalam masyarakat untuk dilengkapi dengan kebolehan keusahawanan yang semakin meningkat.

Malah terdapat ahli akademik yang mencetuskan potensi pendidikan keusahawanan untuk merangsang penilaian subjek yang diajar oleh pelajar, meningkatkan motivasi dan keterlibatan sekolah, serta mengurangkan masalah kebosanan dan keciciran persekolahan pelajar (Ferrer, Ringer, Saville, Parris, & Kashi, 2020; Yi & Duval-Couetil, 2021). Dalam lain perkataan, keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan perlu diberikan perhatian dengan memfokuskan kepada penambahbaikan dalam amalan pembelajaran dan pengajaran. Ini sudah tentu memerlukan pihak berkepentingan menggunakan beberapa strategi dan pendekatan yang dicadangkan oleh beberapa penyelidik yang di antaranya ialah pembelajaran pengalaman (Solomon et al, 2019).

Hari ini, pendidikan keusahawanan telah menjadi sebahagian penting daripada dasar industri dan pendidikan di banyak negara (Mescon & van Rest, 2021). Alasan yang paling umum bagi penyelidik dan pakar untuk mempromosikan pendidikan keusahawanan adalah bahawa keusahawanan dilihat sebagai enjin utama pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan. Pendidikan keusahawanan juga kerap dilihat sebagai respons terhadap dunia yang semakin globalisasi, tidak menentu, dan kompleks di mana kita hidup, dan memerlukan semua orang dan organisasi dalam masyarakat untuk dilengkapi dengan kebolehan keusahawanan yang semakin meningkat.

Terdapat juga ahli akademik yang mencetuskan potensi pendidikan keusahawanan untuk merangsang penilaian subjek yang diajar oleh pelajar, meningkatkan motivasi dan keterlibatan sekolah, serta mengurangkan masalah kebosanan dan keciciran persekolahan pelajar (Ferrer, Ringer, Saville, Parris, & Kashi, 2020; Yi & Duval-Couetil, 2021). Dalam lain perkataan, keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan perlu diberikan perhatian dengan memfokuskan kepada penambahbaikan dalam amalan pembelajaran dan pengajaran. Ini sudah tentu memerlukan pihak berkepentingan menggunakan beberapa strategi dan pendekatan yang dicadangkan oleh beberapa penyelidik yang di antaranya ialah pembelajaran pengalaman (Fayolle & Gailly, 2015), model peranan (Shane, Locke, & Collins, 2012), reka bentuk kurikulum inovatif (Solomon et al., 2019), Persekitaran Sokongan (Neck, Greene, & Brush, 2014), dan peluang rangkaian (Kuratko & Morris, 2018). Jelas sekali, pemilihan dan penggunaan sesuatu teknik dan kaedah berkenaan bergantung kepada latar belakang pelajar itu sendiri (Obschonka et al., 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang dijalankan secara eksperimen. Kajian kuantitatif adalah menguji hipotesis dan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian dengan jelas (Cresswell dan Miller 2000). Pendekatan kajian eksperimen pula ialah *quasi* eksperimen. Mengikut Sabitha (2006) *quasi* eksperimen ialah kajian eksperimen yang dilakukan oleh penyelidik dan tidak memenuhi sepenuhnya syarat- syarat dalam eksperimen tulen, iaitu;

- a) Hanya satu sahaja pembolehubah bersandar yang dimanipulasikan pada satu-satu masa tertentu.
- b) Perlu ada kumpulan kawalan dan rawatan.
- c) Subjek kumpulan rawatan dan kawalan haruslah dipilih secara rawak.

Walaupun ketiga-tiga syarat ini dipenuhi oleh penyelidik, namun faktor persekitaran tidaklah dikawal sepenuhnya seperti dalam eksperimen. Ini kerana situasi kajian ini ialah jenis eksperimen lapangan (di

luar makmal) dimana subjek yang diberi rawatan bebas dalam kehidupan sebenar iaitu sedang belajar di universiti, bersama keluarga, rakan sebaya dan sebagainya. Oleh itu Sabitha, (2014) menjelaskan bahawa dalam kajian eksperimen lapangan penyelidik akan memanipulasi pembolehubah tidak bersandar dan mengukur kesannya ke atas pembolehubah bersandar dalam suasana diluar makmal.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menguji keberkesanan sebuah modul yang boleh digunakan untuk membantu para pelajar universiti dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan. Untuk mencapai tujuan kajian ini, pengkaji akan menggunakan modul My Counselorpreneur yang dibina pengkaji. Ini bermaksud, pengkaji melaksanakan kajian ini dengan melalui tiga fasa penyelidikan iaitu fasa pertama melibatkan proses pemilihan modul, fasa kedua menyelidik kepastian modul dan fasa ketiga menguji keberkesanan modul.

DAPATAN KAJIAN

Kesan Modul MyCounselorpreneur terhadap minat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti awam.

Perbezaan minat keusahawanan pelajar universiti sebelum dan selepas latihan modul Mycounselorpreneur

Ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk menganalisis perbezaan dalam konstruk minat keusahawanan dalam kalangan peserta. Jadual 1 menunjukkan dapatan ujian-t berkenaan bagi konstruk ini dalam kajian eksperimental ini.

Jadual 1 Dapatan ujian-t sampel berpasangan bagi konstruk minat keusahawanan

		Perbezaan			t	dk	Sig.
Min	SP	Min Ralat Piawai	95% Selaan Keyakinan				
			Bawah	Atas			
1.80	.54	.069	1.66	1.94	25.72	59	.000

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 1, dapatan ujian-t yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min di antara pra-ujian minat keusahawanan dan pasca-ujian minat keusahawanan, 1.80 (SP = .54), $t(59) = 25.72$, $p < .001$. Oleh hal yang demikian, terdapat bukti yang kukuh objektif pertama kajian ini telah tercapai modul Mycounselorpreneur berjaya memberi kesan kepada minat usahawan pelajar universiti.

Perbezaan pengetahuan keusahawanan pelajar universiti sebelum dan selepas latihan Mycounselorpreneur

Ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk menganalisis perbezaan dalam konstruk pengetahuan keusahawanan dalam kalangan peserta. Jadual 2 menunjukkan dapatan ujian berkenaan bagi konstruk berkenaan dalam kajian ini.

Jadual 2 Dapatan ujian-t sampel berpasangan bagi konstruk pengetahuan keusahawanan

		Perbezaan			t	dk	Sig.
Min	SP	Min Ralat Piawai	95% Selaan Keyakinan				
			Bawah	Atas			
1.77	.51	.065	1.64	1.89	27.01	59	.000

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 2, dapatan ujian-t yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min di antara pra-ujian pengetahuan keusahawanan dan pasca-ujian pengetahuan keusahawanan, 1.77 (SP = .51), $t(59) = 27.01$, $p < .001$. Oleh hal yang demikian, terdapat bukti yang kukuh untuk menyatakan objektif kajian ini juga telah tercapai dengan jayanya

dengan berlaku peningkatan tahap pengetahuan keusahawanan pelajar universiti setelah menjalani latihan modul Mycounselorpreneur.

Perbezaan kemahiran keusahawanan pelajar universiti sebelum dan selepas latihan modul Mycounselorpreneur

Ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk menganalisis perbezaan dalam konstruk kemahiran keusahawanan dalam kalangan peserta. Jadual 4.11 menunjukkan dapatan ujian-t bagi konstruk ini dalam kajian eksperimental ini.

Jadual 3 Dapatan ujian-t sampel berpasangan bagi konstruk kemahiran keusahawanan

Perbezaan					t	dk	Sig.
Min	SP	Min Ralat Piawai	95% Selaian Keyakinan				
			Bawah	Atas			
1.84	.52	.067	1.71	1.98	27.70	59	.000

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 3, dapatan ujian-t yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min di antara pra-ujian kemahiran keusahawanan dan pasca-ujian kemahiran keusahawanan, 1.84 (SP = .52), $t(59) = 27.70$, $p < .001$. Oleh hal yang demikian, terdapat bukti yang kukuh membenarkan objektif kajian telah tercapai apabila latihan modul Mycounselorpreneur berjaya memberi kesan kepada peningkatan kemahiran keusahawanan pelajar universiti.

PERBINCANGAN

Selepas menjalani latihan, dapatan menunjukkan tahap pengetahuan keusahawanan para peserta adalah sederhana tinggi (M = 4.28, SP = .46). Dapatan yang sama juga menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan mereka adalah sederhana tinggi (M = 4.30, SP = .45). Manakala, tahap minat keusahawanan mereka selepas latihan adalah juga sederhana tinggi (M = 4.25, SP = .48). Jelas sekali, dapatan di atas memperlihatkan bahawa latihan keusahawanan yang diikuti oleh para peserta dapat meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, dan minat keusahawanan mereka. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan-dapatan kajian lepas yang menunjukkan aspek-aspek penting dalam keusahawanan yang boleh dipertingkatkan dalam kalangan pelajar (Nga & Shamuganathan, 2010; Oosterbeek, Van Praag, & Ijsselstein, 2010; Chen, Greene, & Crick, 2018; Kim, Ko, Lee, & Lee, 2020; Donaldson *et al.* 2023).

Oleh yang demikian, sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Chen *et al.* (2018), mengenai kesan pendidikan keusahawanan terhadap pelajar universiti di China mendapati usaha ini dapat meningkatkan minat keusahawanan pelajar dan membantu mereka membangunkan kemahiran dalam bidang seperti pengenalan peluang, kreativiti, dan penyelesaian masalah. Manakala, kajian yang dijalankan oleh Nga dan Shamuganathan (2010) terhadap sekumpulan pelajar perniagaan di Malaysia mendapati bahawa latihan keusahawanan dapat meningkatkan pengetahuan dan minat pelajar untuk memulakan perniagaan. Oleh itu, para penyelidik ini juga mendapati pendidikan keusahawanan mempunyai impak positif terhadap sikap pelajar terhadap keusahawanan dan persepsi mereka terhadap kepentingannya.

Dapatan analisis ujian-t juga menunjukkan terdapat bukti yang kukuh untuk menyatakan objektif kajian telah tercapai iaitu untuk menilai kesan langsung faktor kaedah latihan modul Mycounselorpreneur terhadap minat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan kajian mendapati perbezaan dalam kemahiran keusahawanan sebelum dan selepas latihan adalah signifikan, $t(59) = 27.01$, $p < .05$. Oleh hal yang demikian, peningkatan dalam konstruk berkenaan dalam kalangan peserta dalam kedua-dua kumpulan setelah mereka menjalani latihan keusahawanan adalah signifikan.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan-dapatan kajian lepas yang menunjukkan latihan keusahawanan mempunyai impak yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar (Kassean, Vanevenhoven, & Liguori, 2015; Lorz, Schäfer, &

Kempen, 2017; Naqvi, Matriano, & Alimi, 2022). Secara amnya, kebanyakan dapatan menunjukkan para pelatih dapat memperoleh pengetahuan perniagaan, membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah, meningkatkan kreativiti dan inovasi, membangunkan daya tahan dan kebolehsesuaian, dan memupuk rangkaian dan kerjasama (Boldureanu *et al.*, 2022).

Manakala, dapatan analisis ujian-t yang sama juga mendapati terdapat bukti yang kukuh untuk menyokong objektif kajian yang ketiga untuk menilai kesan langsung faktor kaedah latihan modul Mycounselorpreneur terhadap minat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan mendapati perbezaan dalam kemahiran keusahawanan sebelum dan selepas latihan adalah signifikan, $t(59) = 25.72$, $p < .001$. Oleh hal yang demikian, peningkatan dalam konstruk berkenaan dalam kalangan peserta dalam kedua-dua kumpulan setelah mereka menjalani latihan keusahawanan adalah signifikan.

Dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan-dapatan kajian lepas yang menunjukkan latihan keusahawanan mempunyai impak yang signifikan terhadap peningkatan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar (Aladejebi, 2018; Taiwo & Joseph, 2020; Mahendra, Djatmika, & Hermawan, 2017; Isac *et al.* 2023). Manakala, bagi rumusan yang telah dibuat daripada dapatan-dapatan berkenaan adalah latihan keusahawanan yang berkesan dapat meningkatkan minat para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan apabila mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang mencukupi. Oleh hal yang demikian, adalah penting untuk menyediakan latihan keusahawanan yang berkesan untuk merealisasikan matlamat dan tujuan ini.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat disimpulkan bahawa pelajar dalam kumpulan rawatan memperoleh peningkatan dalam minat, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan selepas menjalani latihan. Maka modul Mycounselorpreneur boleh dijadikan rujukan untuk para praktis kaunseling dan latihan keusahawanan untuk diaplikasikan ketika latihan keusahawanan dijalankan oleh mereka.

RUJUKAN

- Aladejebi, O. (2018). The effect of entrepreneurship education on entrepreneurial intention among tertiary institutions in Nigeria. *Journal of Small Business and Entrepreneurship Development*, 5(2), 1-14.
- Amalia, R. T., & von Korfflesch, H. F. (2021). Entrepreneurship education in Indonesian higher education: mapping literature from the Country's perspective. *Entrepreneurship Education*, 4, 291-333.
- Boldureanu, G., Ionescu, A. M., Bercu, A. M., Bedrule-Grigoruță, M. V., & Boldureanu, D. (2020). Entrepreneurship education through successful entrepreneurial models in higher education institutions. *Sustainability*, 12(3), 1267.
- Chen, C. C., Greene, P. G., & Crick, A. (2018). Does entrepreneurship education make students more entrepreneurial? A meta-analysis. *Journal of Business Venturing*, 33(2), 161-180.
- Farhana, M. R. (2013). *Pembudayaan keusahawanan arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM*. (Tesis Sarjana). Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Fayolle, A., & Gailly, B. (2008). From craft to science: Teaching models and learning processes in entrepreneurship education. *Journal of European Industrial Training*, 32(7), 569-593.
- Ferrer, J., Ringer, A., Saville, K., A Parris, M., & Kashi, K. (2020). *Students' motivation and engagement in higher education: The importance of attitude to online learning*. Higher Education, 1-22.
- Kassean, H., Vanevenhoven, J., & Liguori, E. (2015). Entrepreneurship education: A need for reflection, real-world experience, and actionability. *Academy of Management Learning & Education*, 14(3), 428-431.
- Kuratko, D. F., & Morris, M. H. (2018). *Corporate innovation and entrepreneurship: Entrepreneurial development within organizations*. Cengage Learning.
- Mazurah Mansur. (2019). *Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Konsultasi Terhadap Tekad Keusahawanan Pelajar Politeknik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mei, W., & Symaco, L. (2022). *University-wide entrepreneurship education in China's higher education institutions: Issues and challenges*. *Studies in Higher Education*, 47(1), 177-193.
- Mescon, T. & van Rest, E. (March 15, 2021). *Entrepreneurship is an opportunity for education*. <https://www.aacsb.edu/insights/articles/2021/03/entrepreneurship-is-an-opportunity-for-education>
- Obschonka, M., Silbereisen, R. K., Schmitt-Rodermund, E., Stuetzer, M., Zeyen, A., & Cantner, U. (2017). Disentangling the entrepreneurial attitudes–business start-up relationship: A longitudinal analysis of gender differences. *Journal of Business Venturing*, 32(5), 518-534
- Oosterbeek, H., Van Praag, M., & Ijsselstein, A. (2010). The impact of entrepreneurship education on entrepreneurship skills and motivation. *European Economic Review*, 54(3), 442-454.
- Solomon, G. T., Duffy, S., & Tarabishy, A. (2019). *The state of entrepreneurship education: An international overview*. *Journal of Small Business Management*, 57(1), 43-65